

09/03/2003

Pahamin - Perang harga di udara

Jamudin Idris

DULU beliau memantau harga barangan yang dijual peniaga dan pengedar sama

ada di pasar dan kompleks beli-belah, kini beliau berperang harga di udara

sejak mengendalikan syarikat penerbangan AirAsia.

Sebagai Pengerusi AirAsia Sdn Bhd, Datuk Pahamin A Rajab, tidak lagi menoleh ke belakang untuk memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia menikmati tambang paling murah untuk ke destinasi dalam negara.

Memang sukar dipercayai apabila membaca iklan tambang AirAsia cuma RM19.99 sehala untuk tempahan menerusi Internet - hampir sama atau lebih murah daripada tambang bas ekspres. Tapi itulah yang dilakukan oleh Pahamin - melaksanakan tambang murah tanpa tiket, yang pertama di rantau Asia.

Selepas lebih 30 tahun mencurahkan bakti dalam perkhidmatan kerajaan dan

bersara pada akhir 2000, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu bercadang menjadi peguam.

Bagaimanapun, tiga rakannya mengubah niatnya apabila mengajak meneroka bidang baru dalam industri penerbangan.

Syarikat mereka Tune Air Sdn Bhd pada mulanya ingin memohon lesen penerbangan baru. Bagaimanapun kerajaan menegaskan ia tidak mengeluarkan lesen baru sebaliknya kerajaan meminta mereka berunding membeli syarikat sedia ada.

Yang terbentang di hadapan mereka sama ada mengambil alih AirAsia milik

DRB-Hicom Berhad atau Pelangi Air. Setelah berunding dan mempertimbangkan,

mereka memutuskan untuk mengambil alih syarikat milik DRB-Hicom pada

Disember

2001 dan pada sebulan kemudian memperkenalkan perkhidmatan tambang murah.

Pujian wajar diberikan kepada tenaga penggerak dalam AirAsia seperti Pahamin sendiri yang bertindak sebagai Pengerusi, Ketua Eksekutif Tony Fernandes, Ketua Pegawai Kewangan, Raja Mohd Azmi Raja Razali dan Pengarah

AirAsia, Aziz Bakar.

Kini, AirAsia Sdn Bhd di bawah pentadbiran Pahamin dan rakannya, berjaya

menyuntik antibodi kepada syarikat penerbangan dan menjadi syarikat penerbangan kedua yang boleh dibanggakan walaupun cuba dinafikan oleh pihak lain.

AirAsia menjadi syarikat penerbangan pertama di Asia yang menawarkan tambang murah sepanjang masa, tanpa tiket dan tempahan boleh dibuat melalui internet.

"Pada kami kejayaan syarikat itu berkat dasar Pensyarikatan Malaysia ide

Perdana Menteri dan kami terjemahkan menjadi syarikat penerbangan berjaya

yang kini menjadi sebutan ramai.

"Kejayaan ini boleh dianggap hadiah kepada Datuk Seri Dr Mahathir," kata

Pahamin, adik kepada bekas Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Nordin Razak, ketika ditemui di pejabatnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), baru-baru ini.

Daripada dua kapal terbang, syarikat itu kini menyewa enam kapal terbang jenis B737-300 dan ia akan ditambah kepada dua lagi menjadi lapan kapal terbang. Sejak memperkenalkan tambang murah pada Januari tahun lalu, lebih

2.3 juta penumpang menggunakan perkhidmatan AirAsia.

Menurut Pahamin, ide memperkenalkan tambang murah kerana mereka sendiri

pernah mencubanya apabila menggunakan perkhidmatan penerbangan EasyJet di

Eropah dan Southwest di Amerika Syarikat dan berpendapat ia sesuai diperkenalkan di Malaysia.

Menyedari kurang pengetahuan dalam industri penerbangan, AirAsia tidak keberatan mendapat perunding berwibawa untuk memberi nasihat berguna membawa syarikat ke udara kejayaan.

Beliau berkata, AirAsia mampu menawarkan tambang murah kerana ia melakukan penjimatan dalam banyak hal. Tidak saja ruang pejabat yang sederhana tetapi mereka tidak perlu membayar komisen bagi perkhidmatan agen kerana pembelian tiket melalui internet atau dari syarikat sendiri.

"Kapal terbang kami lebih banyak di udara dan keuntungan dari itu, kami

agihkan kepada pengguna dan kerana itu mereka mendapat tambang yang murah.

Tambang maksimum kami, kira-kira 20 peratus lebih murah dari kapal terbang

lain," katanya.

Sebagai kapal terbang bertambang murah, tidak ada sistem kelas, anak kapal hanya tiga orang serta tiada penyediaan makan minum, tetapi AirAsia

boleh berbangga kerana kira-kira 70 peratus purata jumlah penumpang pada setiap penerbangan.

Pahamin berkata, mereka yang ingin mendapat tambang murah lebih mudah jika melayari internet. Apabila mereka melayarinya, akan dapat melihat tarikh yang sesuai dengan tambang yang dikehendaki. Jadi secara tidak langsung AirAsia menggalakkan rakyat celik komputer.

Salah satu faktor yang mendorong syarikatnya memperkenalkan tambang murah sebagai menyokong usaha kerajaan mewujudkan integrasi nasional di kalangan rakyat Malaysia Timur dengan Malaysia Barat.

"Ini kerana kerajaan pernah mengadakan perkhidmatan feri tetapi gagal, sedangkan rakyat Semenanjung dan Malaysia Timur ingin berhubung.

Disebabkan tiada jalan darat, mereka tidak mempunyai pilihan dan terpaksa

menggunakan perkhidmatan udara.

"Kami di AirAsia berpendapat, jika kita memberi kadar tambang yang menarik, lebih ramai penduduk dapat berhubung. Saya berpendapat, rakyat Sabah dan Sarawak paling gembira dengan adanya perkhidmatan yang kami tawarkan. Itulah sebabnya Sabah muncul daerah yang paling banyak destinasi

yang di singgah AirAsia, selain kami ingin merancakkan industri pelancongan domestik," katanya.

AirAsia berazam pada 2002 dan 2003 adalah tahun untuk memantapkan kedudukan syarikat, AirAsia sehingga kini sudah mengadakan 10 penerbangan

dari Kuala Lumpur seperti ke Pulau Pinang, Kota Bharu, Langkawi, Kota Kinabalu, Kuala Terengganu, Miri, Kota Kinabalu dan Kuching. Ia akan mengadakan penerbangan ke Alor Star pada bulan Mac, Sandakan dan Sibu pada

bulan April dan merancang ke Johor Bahru dan Bintulu pada bulan Mei.

Penerbangan ke Kuantan dan Ipoh tidak dari Kuala Lumpur kerana dekat sebaliknya menggunakan Lapangan Terbang Senai. Apabila semua perkhidmatan

diliputi, ia melengkapkan fasa pertama pembangunan AirAsia yang dijangka siap pada pertengahan tahun ini.

Menurut Pahamin, pada 2004, pihaknya akan memberi perhatian mengadakan perkhidmatan ke luar Malaysia dengan mengadakan kerjasama strategik. Hal ini tidak sukar dilakukan kerana AirAsia tidak dibelit bebanan hutang

AirAsia juga tidak gentar dengan persaingan syarikat penerbangan gergasi

di rantau ini walaupun ada orang tertentu dari syarikat penerbangan besar

sudah memberi amaran supaya tidak berbuat demikian. Bagi AirAsia, ia dianggap satu cabaran yang akan memberi semangat walaupun kepada syarikat

yang dikatakan baru setahun jagung.

AirAsia juga berbangga kerana dapat meneruskan perkhidmatan membawa jemaah haji. Apa yang dilakukan pada musim yang lalu berdasarkan perjanjian terdahulu.

"Kami berbangga kerana anak kapal kami memberi perkhidmatan yang baik. Kami akan memohon kepada kerajaan dan Tabung Haji supaya kontrak itu